



**KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201/ 5202/ 5207
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(A) MEL/12 Jld. 7 (126)
Tarikh : 01 Disember 2023
Bersamaan : 17 Jamadilawal 1445H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI VOT, HASIL, AMANAH DAN DEPOSIT BAGI BULAN NOVEMBER 2023

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 5/2023, Bil. 3/2019 dan Bil. 1/2023.

2. Dimaklumkan bahawa berkuatkuasa bulan **Jun 2019** setiap PTJ perlu menghantar Sijil Pengesahan Baki Vot, Hasil, Amanah dan Deposit **selewat-lewatnya 14hb setiap bulan berikutnya ke Jabatan ini.**

3. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diminta untuk mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot, Hasil, Amanah dan Deposit bagi bulan **November 2023 selewat-lewatnya pada 14hb Disember 2023 (Khamis)**. Kelewatan atau kegagalan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan mengemukakan Sijil Pengesahan Baki tersebut pada tarikh yang ditetapkan akan menyebabkan ketidakpatuhan kepada Arahan Perbendaharaan 143(b) dan teguran di dalam Laporan Audit Tahunan di peringkat Persekutuan.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai di Unit Akaun seperti berikut:

- | | | |
|------|------------------------------|------------|
| i. | Pn. Noorlen binti Ab. Halim | 06-2895062 |
| ii. | Cik Mariam binti Abdul Hamid | 06-2895090 |
| iii. | Pn. Norhidayah binti Talib | 06-2895088 |

5. Kerjasama dan tindakan segera pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan di dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"**

Saya yang menjalankan amanah,

(NUR AZIRA BINTI ABD. RAHMAN C.A(M))

Seksyen Operasi
b.p Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka.